

Program Siswa Rintis Desa Kolej CD UMS dipuji masyarakat

NST 10.6.2013 9

KOTA KINABALU: Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan program Siswa Rintis Desa (SIRINTIS'1/2013) di Kampung Limau-Limauan, Kudat baru-baru ini. Program selama tiga hari itu diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar menimba pengalaman di luar Kampus dan merasai sendiri kehidupan masyarakat luar bandar bersama keluarga angkat mereka.

Pada hari pertama menyaksikan satu Majlis Perasmian telah diadakan dengan disempurnakan oleh Felo Penasihat kolej tersebut Dr. Mohamad Nizam Nazarudin. Dalam ucapan perasmianya, beliau menyarankan agar para peserta membantu keluarga angkat masing-masing dengan ilmu dan kemahiran dipelajari daripada universiti. Beliau turut menyuarakan harapan agar program seumpama itu akan terus berkesinambungan di masa akan datang.

Turut hadir pada majlis perasmian itu Ketua kampung Limau-Limauan, Encik Shariff Idriss Sharif Afiq, pihak penaja dan penduduk kampung.

Pagi hari kedua dimulakan dengan acara senamrobik yang mendapat sambutan hangat daripada seluruh penduduk kampung. Rata-rata penduduk melakukan senamrobik dengan penuh semangat dan mahukan aktiviti seperti ini diadakan di kampung setiap minggu.

Seterusnya pelbagai pameran telah diadakan seperti pameran dari

pihak Jabatan Belia dan Sukan Daerah Kudat, pemeriksaan kesihatan dan derma darah oleh Hospital Kudat dan pameran Agensi Dadah Kebangsaan. Para penduduk turut menerima manfaat daripada pameran tersebut berdasarkan peningkatan kefahaman masyarakat pedalamain berkenaan penjagaan dan pencegahan kesihatan.

Disamping itu, program ini juga bekerjasama bersama Unit Tabung Darah Kudat untuk mengumpulkan penderma darah. Acara pertandingan mewarnai turut diadakan bagi kanak-kanak kampung sebelum sesi pagi tamat.

Pada sesi petang pula para peserta telah mengadakan sesi Latihan dalam Kumpulan (LDK) kepada para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Abd. Rahim. Pada sesi itu, mereka telah diberi pendedahan oleh fasilitator yang terdiri daripada peserta SIRINTIS'1/2013 mengenai teknik meningkatkan prestasi akademik dan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan dalam mencapai hasrat untuk melanjutkan pengajian hingga ke institusi pengajian tinggi. Sesi diteruskan dengan ceramah motivasi oleh penceramah jemputan dari sebuah sekolah di Kudat.

Sekali lagi para penduduk berkumpul dan menyertai acara sukaneka. Sukaneka diadakan bagi merapatkan lagi hubungan kekeluargaan di antara para peserta dengan penduduk kampung melalui kerjasama dan permainan. Pelbagai pertandingan telah diadakan dan diakhiri dengan acara tarik tali antara


anak angkat dan penduduk kampung. Penduduk Kampung Limau-Limauan sememangnya dikenali dengan sikap peramah dan sentiasa ringan tulang.

Pada masa yang sama sesi gotong-royong memasak untuk Majlis Makan Malam Bersama Penduduk Kampung Limau-Limauan turut diadakan. Aktiviti ini dapat mengeratkan lagi silaturahim di antara penduduk kampung dengan siswa-siswi yang terlibat.

Selepas makan malam acara diteruskan dengan Malam Kebudayaan yang diberi nama Malam Serlakan Bakat. Pertandingan Karaoke telah diadakan dan diakhiri dengan persembahan tarian sumazau oleh peserta berasal dari semenanjung. Malam Kebudayaan adalah malam berhibur dan meraikan program yang telah dianjurkan di samping malam menghargai penglibatan penduduk kampung.

Sesi penyampaian hadiah turut dilaksanakan kepada para pemenang aktiviti sepanjang program. Sumbangan buku turut diserahkan kepada Anjung Bestari Kampung Limau-Limauan.

Buku-buku ini adalah disumbangkan kedai buku Pustaka Perdana. Buku-buku yang disumbangkan oleh kedai ini adalah berbentuk akademik yang mana ia amat berguna kepada penduduk kampung di dalam meluaskan ilmu pengetahuan mereka di dalam isu semasa dan juga akademik, khususnya kepada para pelajar dan anak-anak muda.



RANCAK ... Acara tarik tali berlangsung di antara penduduk kampung dan anak angkat.

Pada hari terakhir telah diadakan sesi gotong-royong di mana para peserta telah bergading bahu bersama penduduk kampung membersihkan dewan masyarakat dan masjid. Kemudian, majlis penutupan telah diadakan dengan penyerahan semula anak angkat oleh keluarga yang terlibat. Majlis itu telah disempurnakan oleh Felo pengiring iaitu Kamsia Budin dan Nurul Asyiran Abas. Suasana kesedihan kehilatan sepanjang majlis dan para peserta dengan berat hati meninggalkan keluarga angkat untuk pulang ke UMS.

Bagi Penyelaras SIRINTIS'1/2013, Mohamad Shafik Goliaman berkata, beliau amat berpuas-

hati dengan komitmen yang ditunjukkan oleh para peserta dan terharu dengan sambutan penduduk Kampung Limau-Limauan. Pendapat tersebut turut disokong oleh Pengarah SIRINTIS'1/2013, Khairul Azmi Mustafa yang menyifatkan pengalaman yang diperoleh selama tiga hari amat bermanfaat dan objektif yang digariskan berjaya dicapai.

Dalam pada itu, para penduduk kampung turut memuji usaha UMS yang telah berinisiatif mengadakan program tersebut dan berharap hubungan yang terjalin akan terus berkesinambungan dalam program-program lain di masa akan datang.



UCAPAN... Dr. Nizam memberikan ucapan perasmian Serintis 2013.



PESERTA DAN KELUARGA ANGKAT ... Kenangan Para Peserta bersama Keluarga Angkat.